

→ MASYARAKAT

[FOTO BERNAMA]



Seri Paduka serah watikah pelantikan perwakilan negara

Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, semalam menyampaikan watikah pelantikan kepada 10 ketua perwakilan Malaysia yang baharu pada majlis di Istana Negara, Kuala Lumpur. Mereka ialah Syed Md Hasrin Tengku Hussin @ Syed Hussin yang ditugaskan ke Emiriah Arab Bersatu; Zainal Abidin Bakar (Sepanyol); Datuk Rustam Yahaya (Iran); Cheong Loon Lai (Hungary) dan Datuk Hidayat Abdul Hamid (India). Empat lagi, Anizan @ Siti Hajjar Adnin (Ireland); Mohd Aini Atan (Laos); Syed Mohamad Bakri Syed Abdul Rahman (Kazakhstan); Datuk Mohd Khalid Abbasi Abdul Razak (Argentina) dan Agus Salim Yusof (Bahrain).